

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM WONG JEE KEEN [ SELAYANG ]**

**TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM WONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia sedang membantu Indonesia memulihkan paras air bawah tanah (*groundwater level*) di kawasan-kawasan tanah gambut yang mudah terbakar setiap kali musim kemarau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia masih tidak menerima apa-apa permohonan secara rasmi dari Kerajaan Indonesia untuk membantu dari segi pemadaman kebakaran atau pun memulihkan paras air bawah tanah di kawasan tanah gambut.
2. Untuk makluman dewan, Kerajaan Malaysia pernah mengadakan kerjasama dua hala bersama Kerajaan Indonesia melalui satu Memorandum Kesefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) yang telah ditandatangani antara kedua-dua pihak pada 3 Jun 2008 di Jakarta. Kerjasama ini merangkumi tindakan pencegahan dan menangani kebakaran tanah dan hutan, dan jerebu di Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia. Namun begitu kerjasama tersebut tidak diteruskan di atas permintaan Kerajaan Indonesia.

**NO. SOALAN : 47**

3. Kerajaan Malaysia pada dasarnya bersedia untuk meneruskan bekerjasama jika Kerajaan Indonesia memerlukan bantuan dari segi peningkatan keupayaan seperti pertukaran teknologi pencegahan, pengawalan dan peningkatan paras air bawah tanah di kawasan tanah gambut di Indonesia.

Sekian. Terima kasih.